PP lwn. MUHAMMAD AIKMAL AIMAN KAMALROL

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
ROSLAN MAT NOR H
[RAYUAN JENAYAH NO: CB-42JSKH-2-03-2023]
7 OKTOBER 2024

Abstrak – *(i) Seksyen 24 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ('AKKSTKK') menggariskan ketidakpakaian s. 293 Kanun Tatacara Jenayah untuk kes bawah AKKSTKK. Seksyen 64 dan 109 Akta Mahkamah Rendah 1948 tidak boleh dijadikan alasan untuk mengatasi peruntukan s. 24 AKKSTKK; (ii) Pendekatan yang wajar diberikan dalam kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang melibatkan pesalah muda perlu mengambil kira keseluruhan AKKSTKK. Akta tersebut, apabila dilihat secara komprehensif, bukan hanya menitikberatkan pada hukuman pada pesalah sahaja tetapi terdapat juga peruntukan-peruntukan untuk pemulihan.*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap hukuman – Rayuan oleh pihak pendakwaan – Tertuduh pesalah muda – Tertuduh dipertuduh bawah s. 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 ('AKKSTKK') – Tertuduh dijatuhkan hukuman perintah khidmat masyarakat dengan kadar 240 jam agregat untuk dua tahun bawah s. 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') – Sama ada hukuman yang dijatuhkan teratur – Sama ada bercanggah dengan peruntukan s. 24 AKKSTKK – Sama ada perintah bawah s. 293 KTJ boleh diberikan untuk kesalahan bawah AKKSTKK – Sama ada ss. 64 dan 109 Akta Mahkamah Rendah 1948 boleh mengatasi s. 24 AKKSTKK – Hukuman yang wajar dijatuhkan*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Prinsip – Prinsip dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah muda – Kesalahan seksual terhadap kanak-kanak – Hukuman yang wajar dijatuhkan – Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017, ss. 2, 14(a) & 24 – Kanun Tatacara Jenayah, s. 293*

Responden seorang pesalah muda yang dipertuduh di Mahkamah Sesyen atas kesalahan berkenaan s. 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 ('AKKSTKK'). Fakta kes pendakwaan menunjukkan bahawa pengadu, yang ketika itu berusia 15 tahun, disentuh responden di bahagian buah dada kiri dan kanan serta di kemaluannya. Responden juga ada mencium dan menggigit leher pengadu sehingga meninggalkan kesan. Responden mengaku bersalah atas pertuduhan dan mengakui fakta kes pendakwaan. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') menjatuhkan hukuman perintah khidmat masyarakat atas responden, dengan kadar selama 240 jam agregat dalam tempoh dua tahun, menurut s. 293(1)(e) Kanun Tatacara

Jenayah ('KTJ'). Oleh itu, timbul rayuan ini oleh pihak pendakwaan terhadap keputusan HMS. Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa perintah yang dijatuhkan oleh HMS tidak teratur dan bercanggah dengan peruntukan s. 24 AKKSTKK. Sebaliknya, responden menghujahkan bahawa perintah HMS adalah teratur kerana (i) itu masih dalam bidang kuasa mahkamah jenayah HMS dalam menjatuhkan hukuman, seperti yang dinyatakan bawah s. 64 Akta Mahkamah Rendah 1948 ('AMR'); dan (ii) peruntukan s. 24 AKKSTKK tidak menghakis kuasa HMS untuk memberikan perintah bawah s. 293 KTJ, dengan bersandarkan pada s. 109 AMR. Isu-isu yang timbul adalah: (i) sama ada perintah bawah s. 293 KTJ boleh diberikan oleh mahkamah untuk kesalahan bawah AKKSTKK; dan (ii) hukuman yang wajar dijatuhkan atas responden.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Seksyen 64 AMR tidak boleh mengatasi peruntukan s. 24 AKKSTKK yang telah menjelaskan had penggunaan s. 293 KTJ bagi kes bawah AKKSTKK. Seksyen 109 AMR juga tidak boleh dijadikan alasan untuk memberikan kuasa pada HMS untuk menjatuhkan hukuman yang bercanggah dengan s. 24 AKKSTKK. Oleh itu, perintah HMS yang diberikan bawah s. 293(1)(e) adalah salah dan menyalahi undang-undang dan diketepikan. (perenggan 30 & 31)

(2) Pada masa kejadian, berdasarkan fakta kes, responden seorang pesalah muda seperti yang ditakrifkan bawah s. 2 KTJ. Mahkamah perlu berhati-hati agar hukuman yang dijatuhkan terhadap responden tidak dipengaruhi oleh hukuman-hukuman yang dikenakan pada pesalah-pesalah yang berumur lanjut dengan mengambil kira hukuman terhadap pesalah muda perlu dilakukan dengan sewajarnya untuk membolehkan peluang diberikan pada pesalah muda untuk menukar kehidupan jenayah pada kehidupan yang lebih baik. Setelah mempertimbangkan bahawa responden adalah seorang pesalah muda, rayuan peringanan dan pemberatan hukuman serta mengambil kira keseriusan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan mengambil kira matlamat penggubalan AKKSTKK, iaitu bagi melindungi kanak-kanak yang lemah dan rentan, responden dikenakan hukuman penjara selama 36 bulan dari 2 September 2024, perintah kaunseling pemulihan bawah s. 26(1) AKKSTKK selama tempoh pemenjaraannya dan perintah pengawasan polis selama satu tahun bawah s. 27(1) AKKSTKK selepas tamat hukuman penjara. (perenggan 32, 37 & 46)

Kes-kes yang dirujuk:

Chai Mei Lian v. PP [2006] 2 CLJ 941 HC ***(refd)***
Ibrahim Mahd Nazri v. PP [2024] 7 CLJ 709 CA ***(refd)***
Nor Afizal Azizan v. PP [2012] 6 CLJ 370 CA ***(refd)***
PP v. Abdul Halim Abd Samat [2014] 4 CLJ 12 CA ***(refd)***
PP v. Jafa Daud [1981] CLJU 28; [1981] 1 LNS 28 HC ***(refd)***

Robin Radjaini Saih v. PP [2024] 9 CLJ 224 CA ***(refd)***
Santanasamy Muthiah v. PP [2024] 10 CLJ 167 FC ***(refd)***
Sinnathurai Subramaniam v. PP [2011] 5 CLJ 56 CA ***(refd)***
Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v. Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor [1999] 2 CLJ 707 FC ***(refd)***
Teo Siew Peng & Ors v. PP [1984] CLJU 71; [1984] 1 LNS 71 HC ***(refd)***
Tukiran Taib v. PP [1955] CLJU 166; [1955] 1 LNS 166 HC ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 2, 172D(3), 172G, 283, 288(4), 293(1)(e), 294(6), 295, 295A, 298, 326
Customs Act 1967, ss. 118, 135(1)(d)
Penal Code, ss. 52B, 302, 354, 375, 376, 376A, 376B, 377A, 377B, 377C, 377CA, 377D, 377E, 395
Sexual Offences Against Children Act 2017, ss. 14(a), 24, 26(1), 27(1)
Subordinate Courts Act 1948, ss. 64, 109

Bagi pihak perayu - Lee Wai Yi; TPR
Bagi pihak responden - Ahmad Nizam Hamid & Mohamed Falihin Kamil Mohamed Sazali; T/n Sazali Lim

Dilaporkan oleh Lina E

PENGHAKIMAN

Roslan Mat Nor H:

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan dengan kesalahan di bawah s. 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017. Responden diarahkan diletakkan di bawah satu perintah khidmat masyarakat dengan kadar 240 jam iaitu bagi tempoh masa dua tahun menurut s. 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Pihak Timbalan Pendakwa Raya tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan mengemukakan rayuan di hadapan mahkamah ini.

[2] Responden telah dituduh dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 09/09/22 jam lebih kurang 2230 hrs bertempat di No. 273, Felda Kampung Sertik, di dalam Daerah Bentong, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur telah didapati dengan niat seksual telah menyentuh buah dada dan kemaluan penama … XYZ … No. KPT: … XXX … yang berumur 15 tahun. Oleh itu kamu telah didapati melakukan kesalahan di bawah seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan boleh dihukum di bawah seksyen 14 Akta yang sama.

[3] Responden telah membuat pengakuan salah di atas pertuduhan tersebut pada 17 Januari 2023. Kes telah ditangguhkan kepada 27 Februari 2023 untuk fakta dan hukuman. Pada masa itu, responden diwakili peguam. Fakta kes telah dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh. "P1". Fakta

tersebut menunjukkan bahawa pengadu yang ketika itu berusia 15 tahun telah disentuh di bahagian buah dada kiri dan kanan serta kemaluan pengadu. Responden juga ada mencium dan menggigit leher pengadu sehingga meninggalkan kesan.

[4] Hakim Mahkamah Sesyen telah menerima pengakuan salah responden dalam kes ini. Responden juga telah mengakui fakta kes yang dikemukakan di hadapan mahkamah. Responden juga telah mengemukakan rayuan peringanan hukuman di samping Timbalan Pendakwa Raya memohon hukuman yang berat di atas kesalahan yang dilakukan oleh responden. Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman perintah khidmat masyarakat dengan kadar selama 240 jam agregat dalam tempoh dua tahun menurut s. 293(1)(e) KTJ.

[5] Alasan perintah tersebut diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dapat dilihat di dalam alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen seperti di perenggan 21 seperti berikut:

> 21. Berdasarkan fakta kes, dan keadaan persekitaran kes, Mahkamah berpendapat, setelah mengambilkira kepentingan awam serta autoriti yang dirujuk di atas, hukuman yang dikenakan adalah sesuai dan munasabah dikenakan terhadap OKT. Sebagai seorang pesalah muda, OKT sewajarnya diberikan peluang untuk meneruskan kehidupan yang baru sahaja ingin bermula. Tambahan pula, OKT telah dapat merasa sekelumit rasa perit sepanjang tempoh beliau berada dalam tahanan pada 11.09.22 sehingga 27.02.2023. Oleh itu, Mahkamah ini percaya sebarang program yang diatur untuk diikuti oleh OKT selama 240 jam dalam tempoh masa 2 tahun itu adalah lebih daripada mencukupi untuk mengingatkan dan memberi 'tamparan kecil' untuk OKT agar tidak mengulangi sebarang perlakuan jenayah di masa hadapan.

Rayuan Timbalan Pendakwa Raya

[6] Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa perintah yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen tersebut adalah tidak teratur dan bercanggah dengan peruntukan s. 24 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017. Seksyen 24 menyatakan seperti berikut:

> Seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya mangsa ialah kanak-kanak, jika orang yang disabitkan atas kesalahan itu berumur lapan belas tahun atau atas lapan belas tahun.

[7] Hakim Mahkamah Sesyen dalam alasan penghakimannya telah menyatakan sebab perintah tersebut diberikan setelah merujuk kepada s. 293 KTJ seperti berikut:

13. Merujuk kepada peruntukan undang-undang di atas, Mahkamah ini percaya hukuman yang telah dijatuhkan terhadap OKT masih berada "within the boundaries" yang telah ditetapkan Parlimen. Ini turut dinyatakan di dalam kes *PP v. Jafa bin Daud* [1981] 1 LNS 28; [1981] 1 MLJ 315, apabila Hakim Mohamed Azmi (pada masa itu) menyatakan bahawa;

A "sentence according to law" means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section, but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles".

Hujah Responden

[8] Sebaliknya, peguam responden berhujah bahawa perintah yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah teratur. Ini adalah disebabkan ia masih di dalam bidang kuasa mahkamah jenayah Hakim Mahkamah Sesyen dalam menjatuhkan hukuman seperti yang dinyatakan di bawah s. 64 Akta Mahkamah Rendah 1948 seperti berikut:

64 Sentences

A Sessions Court may pass any sentence allowed by law other than the sentence of death.

[9] Pada masa yang sama, peguam responden menyatakan bahawa peruntukan s. 24 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 tidak menghakis kuasa Hakim Mahkamah Sesyen untuk memberikan perintah di bawah s. 293 KTJ. Beliau bersandarkan kepada s. 109 Akta Mahkamah Rendah 1948 yang memperuntukkan seperti berikut:

109 Provision to prevent conflict of laws

In the event of inconsistency or conflict between this Act and any other written law in force at the commencement of this Act, the provisions of this Act shall prevail.

Analisa

[10] Penentuan satu hukuman dalam kes jenayah yang dibicarakan di mahkamah rendah adalah merupakan budi bicara hakim berkenaan. Mahkamah yang mendengar rayuan tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengubah hukuman yang diberikan oleh hakim bicara. Ia hanya boleh dilakukan sekiranya hukuman tersebut bercanggah dengan undang-undang serta prinsip penghukuman.

[11] Semasa menjatuhkan hukuman dalam satu kes jenayah, ia hendaklah dilakukan mengikut undang-undang. Ini telah dinyatakan dalam kes *PP v. Jafa Daud* [1981] CLJU 28; [1981] 1 LNS 28; [1981] 1 MLJ 315 seperti berikut:

A "sentence according to law" means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section, but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles. In assessing sentence, one of the main factors to be considered is whether the

convicted person is a first offender. It is for this purpose that before passing sentence, a Magistrate is required to call for evidence or information regarding the background, antecedent and character of the accused. Where the convicted person has previous records and admits them as correct, the court must consider whether the offence or offences committed previously were of similar nature as the one with which he is presently charged. The court must then consider the sentences imposed in the previous convictions for similar offences to determine whether they have had any deterrent effect on him. Where he is found to be a persistent offender for a similar type of offences, then it is in the interest of justice that a deterrent sentence should be passed and, in such a case, unless there are exceptional circumstances, the quantity, nature or value of the subject-matter of the offence with which he is currently charged can very rarely constitute a mitigating factor.

[12] Ini bermakna dalam menimbangkan hukuman yang sewajarnya, mahkamah perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

(i) mahkamah hendaklah mendapatkan keterangan atau maklumat berkaitan dengan latar belakang dan tingkah laku tertuduh.

(ii) sekiranya terdapat kesalahan lampau yang sewajarnya dikemukakan mengikut kehendak s. 400 KTJ mahkamah perlu menimbangkan sama ada kesalahan tersebut adalah sama dengan kesalahan yang sedang dipertuduhkan. Mahkamah perlu menimbangkan sama ada hukuman yang telah dijatuhkan pada masa yang lalu telah dapat memberikan kesan halang cegah (deterrent) kepada tertuduh. Sekiranya mahkamah mendapati bahawa kesalahan yang dilakukan itu adalah sama dengan kesalahan yang sedang dipertuduhkan, maka mahkamah hendaklah memutuskan hukuman yang berat melainkan terdapat keadaan luar biasa berdasarkan kepada nilai dan keadaan barangan yang terlibat di dalam kejadian jenayah tersebut bagi mempertimbangkan hukuman ringan.

(iii) mahkamah juga perlu mengambil perhatian kepada tujuan penggubalan undang-undang jenayah dan hukuman yang dinyatakan. Ini bagi mengelak daripada hukuman yang dijatuhkan itu tidak menggambarkan keseriusan kesalahan yang dilakukan.

(iv) mahkamah juga perlu menimbangkan faktor-faktor peringanan dan pemberatan sebelum menjatuhkan hukuman.

(v) mahkamah juga perlu wajar meneliti kes-kes terdahulu yang melihatkan kesalahan yang sama bagi meneliti apakah hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan sebagai kayu ukur kepada hukuman yang sewajarnya dijatuhkan.

(vi) mahkamah perlu mengambil kira kedudukan tertuduh sama ada dia adalah pesalah muda, kanak-kanak, wanita atau pesalah dewasa.

(vii) mahkamah juga perlu meneliti secara mendalam fakta kes yang dikemukakan di hadapan mahkamah bagi memahami bagaimanakah kejadian jenayah itu dilakukan dalam menentukan sama ada hukuman yang berat atau ringan perlu dijatuhkan kepada tertuduh.

[13] Mahkamah juga perlu mengemaskini perkembangan undang-undang yang diputuskan oleh mahkamah atasan berkaitan dengan hukuman. Ini wajar dilakukan bagi membolehkan pihak-pihak dalam suatu kes jenayah akan diputuskan berdasarkan undang-undang terkini. Ia penting bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan kepada tertuduh dan Pendakwa Raya. Misalnya, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan berkenaan dengan hukuman sebat sama ada ia boleh dijalankan secara bersama-sama atau berturutan. Ini dinyatakan dalam kes *Santanasamy Muthiah v. PP* [2024] 10 CLJ 167 seperti berikut:

> [35] In my judgement there are sufficient reported cases as explained earlier both in Malaysia and Singapore giving reasons why whipping should not be executed concurrently. As in Singapore, if it is the intention of our Parliament that sentences of whipping could be ordered concurrently similarly as the punishment for imprisonment, that august house would have passed the legislation to that effect. Instead for decades, this was not done indicating quite clearly that whipping should be meted out consecutively and not concurrently. I also take it, this is a case where the functions of the three branches – legislature, executive and judiciary should be fully appreciated and the separation of the same be accordingly recognised and respected. In this regard, the legislature has chosen it fit not to provide for sentences of whipping to be concurrent. Therefore, being a member of the judiciary and confining myself only to the issue in this case, I do not think it would be appropriate to encroach on the power of the legislature and rule that for sentences of whipping, the courts could order the same to be carried out concurrently. **Hence, for the sake of clarity, I conclude that the sentences of whipping should be executed consecutively and not concurrently.**
>
> (penekanan ditambah)

[14] Begitu juga adalah wajar untuk mahkamah yang menjatuhkan hukuman sentiasa memastikan perkara-perkara yang sepatutnya diambil kira semasa menjatuhkan hukuman diberikan perhatian. Ini dapat dilihat seperti yang dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Robin Radjaini Saih v. PP* [2024] 9 CLJ 224. Penelitian kepada kes tersebut menunjukkan ia berkaitan dengan hukuman bagi kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Namun demikian, apa yang boleh menjadi suluh teladan dari kes tersebut ialah penekanan Mahkamah Rayuan berkenaan dengan perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam menggunakan budi bicara kehakiman semasa menjatuhkan hukuman.

A [31] …

(iii) in the exercise of the wide judicial discretion (s. 302 of the PC):

(a) public interest should be the primary consideration. We rely on the following judgment of the Federal Court delivered by Raja Azlan Shah Ag LP (as His Majesty then was) in *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] CLJU 139; [1981] 1 LNS 139; [1982] 1 MLJ 83, at 84:

B

I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v. Jamieson* [1952] AC 525, 549). It is for that reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentences; whilst others equally conscientious have thought it their duty to view the same crimes with leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, *per se*, to warrant this court's interference.

C

D

E

For a discretionary judgment of this kind to be reversed by this court, it must be shown to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unauthorised or extraneous or irrelevant exercise of discretion. We are far from convinced that any criticism of the learned judge is warranted. He took the course he did, in outweighing the plea of mitigation in favour of the public interest with a desire to uphold the dignity and authority of the law as administered in this country. We agree. That must receive the greatest weight.

F

G

It is to be noted that when *Bhandulananda* was decided, Parliament had abolished appeals to the Privy Council for constitutional and criminal matters. In other words, when the Federal Court delivered the judgment in *Bhandulananda*, the Federal Court was our apex court for criminal matters at that time;

H

(b) all the relevant facts and circumstances of the case should be taken into account, including:

(1) mitigating factors; and

I

(2) aggravating factors.

As explained in the above sub-para. (a), public interest should override mitigating factors; and

(c) the court should also consider the following four objects of sentencing:

(1) deterrence, both specific and general deterrence. Specific deterrence of an offender has also been described as "incapacitation" of the offender (to render the offender incapable of committing any offence in the future);

(2) rehabilitation, reformation or restoration of the offender;

(3) retribution; and

(4) restitution;

[15] Senarai di atas bukannya merupakan sesuatu yang boleh dipandang enteng oleh mahkamah semasa menjatuhkan suatu hukuman. Ia adalah sebagai suluh panduan yang menunjukkan bahawa hakim atau Majistret semasa menjatuhkan hukuman hendaklah meneliti secara mendalam perkara-perkara di atas dalam melunaskan tanggungjawab mempertimbangkan hukuman yang sewajarnya kepada tertuduh. Ia bukannya suatu keputusan yang boleh dibuat sambil lewa. Ini adalah disebabkan kegagalan untuk menimbangkan perkara-perkara yang sepatutnya diambil kira di dalam menjatuhkan suatu hukuman akan menyebabkan hukuman yang dijatuhkan kepada seorang pesalah itu tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Ia boleh menyebabkan seseorang pesalah yang sepatutnya dijatuhi hukuman yang ringan akan dijatuhkan dengan hukuman yang berat dan sebaliknya seorang pesalah yang sepatutnya dijatuhi hukuman yang berat akan dijatuhkan hukuman yang ringan. Ini akan mengundang ketidakadilan kepada tertuduh dan menjejaskan kepentingan awam.

[16] Mahkamah ini berpendapat proses penentuan hukuman yang sewajarnya oleh hakim bicara adalah suatu yang penting dan hendaklah dilakukan dengan penuh teliti serta pertimbangan yang sewajarnya dibuat terhadap prinsip penghukuman, bagaimana kejadian jenayah itu dilakukan, kesan trauma kepada mangsa jenayah tersebut dan keutamaan perlu diberikan kepada kepentingan awam. Frasa kepentingan awam ini telah disimpulkan dengan menarik oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Sinnathurai Subramaniam v. PP* [2011] 5 CLJ 56 seperti berikut:

[30] The public interest element is a bare shell. It is shaped and coloured by the facts of the case, by the surrounding circumstances that compelled the court to take into account before sentencing and, more importantly, by the mores of a particular society.

Adakah Perintah Di Bawah Seksyen 293 KTJ Boleh Diberikan Oleh Mahkamah Bagi Kesalahan Di Bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017?

[17] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang diterima bahawa bagi hukuman yang melibatkan kesalahan pesalah muda yang berumur di antara 17 hingga 21 tahun dan merupakan pesalah pertama tidak ditempatkan di penjara. Hakim Bellamy dalam kes *Tukiran Taib v. PP* [1955] CLJU 166; [1955] 1 LNS 166; [1955] 1 MLJ 24 menyatakan seperti berikut:

> It has been stressed by this Court that it is very desirable that young offenders, that is, offenders between the ages of 17 and 21 years, who are also first offenders, should be kept out of prison, if possible.

[18] Hal yang sama juga dapat dilihat pemakaian s. 294 KTJ digunakan bagi kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan bagi seorang pesalah yang berumur 19 tahun dan merupakan pesalah pertama. Ini dinyatakan dalam kes *Nor Afizal Azizan v. PP* [2012] 6 CLJ 370. Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut semasa mengesahkan perintah di bawah s. 294 KTJ:

> [16] In the instant case, we are of the view that the learned JC was wrong to interfere with the sentence imposed by the learned SCJ. Upon perusing the grounds of judgment of the learned SCJ we found that he had applied the correct principles in making the orders under s. 294 of the CPC. He took into consideration all relevant factors including the element of public interest, the fact that it was consensual, that the offender had pleaded guilty and was extremely remorseful of what he had done, that he was a youthful offender and the fact that it was a registrable offence.

[19] Sebaliknya, dalam kes *PP v. Abdul Halim Abd Samat* [2014] 4 CLJ 12, bagi kesalahan di bawah s. 326 KTJ yang melibatkan tertuduh yang berumur 45 tahun dan merupakan pesalah pertama serta seorang kakitangan awam, Mahkamah Rayuan telah menyatakan bahawa perintah di bawah s. 294 KTJ adalah tidak bersesuaian. Ini dinyatakan seperti berikut:

> [14] In his submissions, learned counsel placed great reliance on the case of *Nor Afizal Azizan v. PP* (*supra*) to say that s. 294 of the CPC is punitive in effect and amounts to a form of punishment being inflicted on the offender. We find that learned counsel's reliance on the case of *Nor Afizal Azizan v. PP* (*supra*) is misplaced. We say this because although we cannot deny the fact that an order under s. 294 of the CPC is in fact punitive in nature we must not lose sight of the fact that each individual case must be considered on its own merits and must be examined with a view to ascertaining whether, having regard to any of the matters mentioned in s. 294 of the CPC, binding over in all the circumstances of the case is expedient. (See *Public Prosecutor v. Lim Guan Hock, Public Prosecutor v. Boo Swee Kim* [1949] MLJ 231; and *Lim Kim Poh v. PP* [2000] 8 CLJ 328; [2000] 3 MLJ 411). It must be recognised that no two cases are alike, and that the facts must necessarily vary from case to case. At the end of the day, each case has to be decided on its own merits.

[20] Penelitian kepada kes *Nor Afizal Azizan* (*supra*) tersebut didapati ia diputuskan pada 27 Ogos 2012 iaitu sebelum pengenalan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan secara khusus bahawa tiada perintah di bawah s. 293 KTJ boleh diberikan bagi kesalahan di bawah Akta tersebut seperti di bawah s. 24 Akta bertarikh 10 Julai 2017 melalui [PU(B) 340/2017]. Kes *Nor Afizal Azizan* (*supra*) telah diputuskan sebelum pindaan kepada Kanun Keseksaan yang memasukkan s. 52B yang berkuat kuasa mulai 31 Disember 2014. Rujukan kepada s. 294(6) KTJ memperuntukkan seperti berikut:

(6) This section shall not apply - A

(a) if the offender is charged with a serious offence; or

(b) if the offender is charged with the commission of an act of domestic violence as defined under section 2 of the Domestic Violence Act 1994.

B

[21] Namun demikian, jika dirujuk kepada peruntukan di bawah s. 293 KTJ tiada sebarang peruntukan yang menghadkan pemakaian s. 293 bagi pesalah muda. Ia seolah-olah menunjukkan bahawa s. 293 itu terpakai bagi semua kesalahan yang melibatkan pesalah muda. Walau bagaimanapun, jika rujukan silang kepada s. 172D KTJ berkaitan dengan had hukuman bagi pengakuan salah yang dibuat semasa pengurusan kes menyatakan seperti berikut: C

(1) Where a satisfactory disposition of the case has been agreed upon by the accused and the Public Prosecutor under section 172C, the Court shall, in accordance with law, dispose of the case in the following manner: D

(a) make any order under section 426; and

(b) where the satisfactory disposition is in relation to a plea bargaining of the charge, find the accused guilty on the charge agreed upon in the satisfactory disposition and sentence the accused accordingly; or E

(c) where the satisfactory disposition is in relation to a plea bargaining of the sentence, find the accused guilty on the charge and -

(i) deal with the accused under section 293 or 294; or F

(ii) subject to subsections (2) and (3), sentence the accused to not more than half of the maximum punishment of imprisonment provided under the law for the offence for which the accused has been convicted.

(2) Where there is a minimum term of imprisonment provided under the law for the offence, no accused shall be sentenced to a lesser term of imprisonment than that of the minimum term. G

(3) Subparagraph (1)(c)(ii) shall not apply where -

(a) in the case of a serious offence, the accused has a previous conviction for a related or same offence; or H

(b) where the offence for which the accused is charged with falls within the following:

(i) an offence for which the punishment provided under the law is fine only; I

A

(ii) an offence for which the punishment provided under the law is imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years;

(iii) any sexual related offence;

(iv) any offence committed against a child who is below twelve years of age; or

B

(v) any other offence as may be specified by the Public Prosecutor by order published in the Gazette.

(4) For the purpose of paragraph (3)(a), "serious offence" means an offence where the maximum term of imprisonment that can be imposed is not less than ten years, and includes any attempt or abetment to commit such offence.

C

(penekanan ditambah)

[22] Ia juga terpakai apabila pengakuan salah dibuat oleh tertuduh semasa awal prosiding seperti yang terdapat di bawah s. 172G KTJ seperti berikut:

D

172 Subparagraph 172D(1)(c)(ii) to be applicable to accused who pleads guilty

Where an accused pleads guilty at any time before the commencement of his trial, the Court shall sentence the accused in accordance with subparagraph 172D(1)(c)(ii).

E

[23] Penelitian kepada ss. 172D dan 172G KTJ jelas menunjukkan bahawa pemakaian s. 293 KTJ adalah terhad dan tidak boleh digunakan kepada kedudukan seperti di bawah s. 172D (3) KPJ. Dalam erti kata lain, penelitian kepada KTJ dan Kanun Keseksaan menunjukkan bahawa badan perundangan telah menghadkan pemakaian s. 293 yang tidak terpakai kepada keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam KTJ.

F

[24] Penelitian kepada Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 juga mempunyai peruntukan khusus yang menghadkan penggunaan s. 293 seperti yang dinyatakan di bawah s. 24. Persoalannya ialah bolehkah Hakim Mahkamah Sesyen yang memutuskan hukuman bagi kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 mempunyai bidang kuasa untuk memberikan perintah di bawah s. 293 yang jelas dan nyata tidak dibenarkan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017. Apakah hujahan peguam responden yang menyatakan Hakim Mahkamah Sesyen boleh memberikan perintah di bawah s. 293 bersandarkan kepada peruntukan di bawah s. 64 Akta Mahkamah Rendah 1948. Kedudukan s. 64 Akta Mahkamah Rendah telah dinyatakan dalam kes *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v. Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor* [1999] 2 CLJ 707; [1999] 2 MLJ 241. Dalam kes tersebut, timbul isu sama ada pertuduhan yang melibatkan kesalahan liwat yang melibatkan orang Islam, sama ada Mahkamah Sesyen

G

H

I

mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes tersebut. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan berkenaan bidang kuasa jenayah Mahkamah Sesyen seperti berikut:

> The inferior courts *ie*, the sessions courts, the magistrates' courts and the penghulu's courts were established under s. 3 of the Subordinate Courts Act 1948.
>
> The sessions courts are conferred criminal jurisdiction by s. 63 and 64 of the Subordinate Courts Act 1948 which provide:
>
> > 63 A sessions court shall have jurisdiction to try all offences other than offences punishable with death.
> >
> > 64 A sessions court may pass any sentence allowed by law other than the sentence of death.
>
> It is pertinent to note that while Act 559 applies only to the Federal Territories of Kuala Lumpur and Labuan, and to people professing the religion of Islam, the Penal Code applies throughout and beyond Malaysia. It applies to every person irrespectiveof race, sex or religion. Sections 2 and 3 of the Penal Code state:
>
> > 2 Every person shall be liable to punishment under this Code and not otherwise for every act or omission contrary to the provisions thereof, of whichhe shall be guilty within Malaysia.
> >
> > 3 Any person liable by law to be tried for an offence committed beyond the limits of Malaysia, shall be dealt with according to the provisions of this Code for any act committed beyond Malaysia, in thesame manner as if such act had been committed within Malaysia.
>
> Having examined these provisions of the relevant laws, it is clear that the session court has the jurisdiction to try offences committed under the Penal Codeexcept those punishable with death.

[25] Peguam responden juga berhujah bahawa Mahkamah Sesyen mempunyai kuasa untuk membuat perintah sedemikan bersandarkan kepada s. 64 Akta Mahkamah Rendah 1948 dibaca bersama dengan s. 109 yang menunjukkan bahawa jika terdapat apa-apa percanggahan di antara peruntukan di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 dengan undang-undang lain maka Akta Mahkamah Rendah 1948 adalah diutamakan. Apa yang dapat difahami daripada hujahan peguam responden ialah disebabkan Mahkamah Sesyen mempunyai kuasa di bawah s. 64 untuk membicarakan dan menjatuhkan hukuman bagi pertuduhan yang dikemukakan terhadap responden maka s. 24 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 tidak membataskan kuasa Hakim Mahkamah Sesyen untuk memberikan perintah di bawah s. 293 KTJ. Ini adalah disebabkan mengikut hujahan peguam responden percanggahan di antara s. 24 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 dengan s. 64 Akta

Mahkamah Rendah 1948 maka peruntukan umum di bawah s. 64 berkaitan bidang kuasa membicarakan kes jenayah dan hukuman adalah perlu diutamakan. Ini bermakna Mahkamah Sesyen boleh menjatuhkan perintah di bawah s. 293 walaupun ia bercanggah dengan s. 24 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017. Pemakaian s. 109 Akta Mahkamah Rendah 1948 telah ditimbulkan dalam kes *Chai Mei Lian v. PP* [2006] 2 CLJ 941. Dalam kes tersebut timbul isu berkenaan bidang kuasa Mahkamah Majistret untuk mendengar pertuduhan di bawah s. 135(1)(d), Akta Kastam 1967. Dalam kes tersebut terdapat rujukan kepada s. 118 Akta Kastam 1967 yang telah dipinda pada 1 Julai 1978 seperti berikut:

> [15] Section 118 of the Customs Act 1967 was amended in 1 July 1978 and reads as follows:
>
> > Notwithstanding the provisions of any written law to the contrary, a court of a Magistrate of the First Class shall have jurisdiction to try any offence under this Act and to award the full punishment for any such offence.

[26] Mahkamah memutuskan seperti berikut berkenaan dengan seksyen tersebut:

> [24] Having read both learned judgments more than a few times, I with regret and utmost respect to the learned judge in *A Juvenile*, adopt the reasoning in the judgment in *Shim*'s case. And I do so for the following reasons:
>
> 1. The words in s. 111 are clear and unambiguous. Hence its natural meaning must be used. My interpretation is fortified by the learned judge's interpretation in *Shim*'s case who at p. 160 of the report emphatically said 'On plain and literal reading of s. 111 it is obvious that the intention therein is to amend or substitute for 'the court of a magistrate of the first class' with 'a Sessions Court'.
>
> Hence, I find no ambiguity in that section ... I cannot envisage any other purpose in legislating s. 111 other than the foregoing preposition.
>
> I am fully aware of the fact that the wordings in the s. 118 of the Customs Act are different to s. 58(1) of the Immigration Act. In my view the aforesaid difference in wordings does not have any bearing on the plain and natural meaning of s. 111. This view is consistent to the reason why a circular was issued after the Shim's judgment in late 2000.
>
> 2. As there is no ambiguity to s. 111, there is no reason for me to apply the purposive approach. If I were to apply that approach, I will be running foul of the *dicta* expounded in the case of *PP v. Tan Tatt Eek & Other Appeals* (*supra*) cited above, which are binding on me.
>
> The law in my view is that when the literal interpretation of a statute leads to an absurd and impractical result, then the purposive approach is used. Further and unfortunately there is no explanatory note in the Hansard in connection to s. 111, hence no guidance can be gathered from it.

3. As stated by the late Chong Siew Fai, CJSS in *Muhammed bin Hassa*n [1998] 2 CLJ 170 FC the approach to construing a statute "is to ascertain the meaning of the words employed by Parliament rather than the intention of Parliament". A

4. As stated earlier s. 118 of Customs Act was amended on 1 July 1978 which is about two and half years before the extension of the Subordinate Court Act. (1 June 1981). That amendment did away with the distinction between West Malaysia and East Malaysia. If the Parliament had intended as what the learned judge said in *A Juvenile*'s case, there would be no necessity to enact s. 111. It would have been easier and cleaner exercise for Parliament to amend all the legislations which have the distinction between West Malaysia and East Malaysia the same way as they did to s. 118 of the Customs Act and not enact s. 111. B C

5. Section 109 of the Subordinate Courts Act provides that "in the event of inconsistency or conflict between this Act and any other written law in force at the commencement of this Act, the provisions of this Act shall prevail." This provision shows quite clearly that the Subordinate Courts Act is so to say a dominant statute and prevails over other statutes and in the instant appeal, the Customs Act. D

[27] Apa yang jelas daripada kes tersebut s. 109 Akta Mahkamah Rendah 1948 akan digunakan apabila terdapat percanggahan di antara peruntukan berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah. Mahkamah ini berpendapat ia tidak membawa maksud apabila terdapat undang-undang khusus yang memperihalkan bidang kuasa hukuman atau had hukuman Mahkamah Sesyen boleh menggunakan s. 109 Akta Mahkamah Rendah 1948 untuk memberikan hukuman yang bercanggah dengan undang-undang bertulis yang menjelaskan hukuman yang boleh dijatuhkan di bawah undang-undang tersebut. E F

[28] Oleh itu, sebelum mahkamah menimbangkan suatu hukuman, rujukan yang teliti perlu dibuat kepada peruntukan undang-undang berkaitan dengan hukuman seperti berikut:

(i) rujukan kepada undang-undang bertulis yang memperihalkan hukuman yang dijatuhkan. Ini penting bagi mengelakkan daripada hakim atau Majistret menjatuhkan hukuman melebihi daripada had yang ditetapkan oleh undang-undang atau menjatuhkan hukuman lebih rendah daripada hukuman minimum yang diperuntukkan di bawah undang-undang bertulis tersebut. G H

(ii) rujukan kepada peruntukan berkaitan dengan hukuman di bawah Kanun Tatacara Jenayah. Misalnya, Bab XXVII iaitu s. 283 berkaitan dengan hukuman denda, s. 293 berkenaan hukuman terhadap pesalah muda, s. 294 hukuman kepada pesalah kali pertama, s. 295 hukuman pengawasan polis, s. 295A berkenaan dengan kaunseling, s. 298 berkenaan had hukuman rotan kepada golongan tertentu iaitu wanita- I

wanita, lelaki yang dijatuhkan hukuman mati dan ia tidak terpakai kepada kesalahan-kesalahan bagi s. 376, 377A, 377CA atau 377E Kanun Keseksaan. Begitu juga s. 288 berkenaan pelaksanaan hukuman rotan terutamanya berkenaan s. 288(4) iaitu hukuman rotan kepada pesalah muda. Ia memperuntukkan seperti berikut:

> (4) In the case of an accused sentenced to whipping for an offence under section 403, 404, 406, 407, 408, 409 or 420 of the Penal Code, or a youthful offender, whipping shall be inflicted in the way of school discipline with a light rattan.

[29] Penelitian peruntukan-peruntukan berkaitan dengan hukuman secara terperinci sebelum memutuskan hukuman yang akan dikenakan boleh mengelakkan kesalahan yang serius dalam menjatuhkan hukuman sehingga boleh membawa kepada hukuman yang tidak sah di sisi undang-undang. Oleh itu, adalah mustahak hakim dan Majistret yang menjatuhkan hukuman memastikan hukuman yang dijatuhkan adalah tidak menyalahi peruntukan undang-undang dan juga Kanun Tatacara Jenayah. Jika ini dilakukan, ia dapat mengelakkan daripada kesilapan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh hakim atau Majistret dalam menjatuhkan hukuman.

[30] Mahkamah ini berpendapat s. 64 Akta Mahkamah Rendah 1948 itu tidak boleh mengatasi peruntukan s. 24 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang telah menjelaskan had penggunaan s. 293 KTJ bagi kes di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017. Begitu juga s. 109 tidak boleh dijadikan alasan untuk memberikan kuasa kepada Hakim Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman yang bercanggah dengan s. 24 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017.

[31] Oleh itu, mahkamah berpendapat perintah Hakim Mahkamah Sesyen bahawa perintah yang diberikan di bawah s. 293(1)(e) KTJ adalah salah dan menyalahi undang-undang dan mahkamah ini perlu campur tangan di dalam keputusan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut. Oleh itu, mahkamah ini mengetepikan perintah tersebut.

Hukuman

[32] Setelah mahkamah mengetepikan perintah Hakim Mahkamah Sesyen, maka kini timbul persoalan apakah hukuman yang wajar dikenakan ke atas responden. Dalam perkara ini, mahkamah perlu menimbangkan fakta bahawa pada masa kejadian itu berdasarkan fakta kes responden adalah seorang pesalah muda seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 KTJ iaitu ""youthful offender" means a person convicted of an offence punishable by fine or imprisonment who is of or above the age of 18 and below the age of 21."

[33] Bagi tujuan untuk melengkapkan perbincangan adalah wajar untuk mahkamah mengenalpasti bahawa terdapat beberapa golongan yang disebut dalam Kanun Tatacara Jenayah berkaitan dengan hukuman. Ia adalah terdiri daripada:

(i) pesalah muda yang telah ditakrifkan di bawah s. 2 KTJ;

(ii) orang dewasa yang melebihi daripada umur 21 tahun;

(iii) kanak-kanak yang tertakluk kepada Akta Kanak-Kanak 2001; dan

(iv) wanita dewasa.

[34] Penggolongan kumpulan ini adalah penting bagi membolehkan mahkamah mempertimbangkan hukuman yang sewajarnya sesuai dengan golongan pesalah-pesalah tersebut. Dalam kes ini disebabkan kedudukan s. 24 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 maka walaupun responden adalah pesalah muda, mahkamah telah terhalang daripada memberikan perintah di bawah s. 293 KTJ. Namun, pada hemat mahkamah, ia tidak boleh menyebabkan mahkamah tidak mengambil kira prinsip berkenaan dengan hukuman kepada pesalah muda. Pada masa yang sama, mahkamah juga perlu mengambil perhatian berkenaan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh responden. Ini dapat dilihat melalui penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes *Ibrahim Mahd Nazri v. PP* [2024] 7 CLJ 709 seperti berikut:

> [20] Based on the authorities mentioned above, we find that the sentence meted out by the learned Sessions Court Judge (affirmed by the learned Judicial Commissioner) is proportional to the commission of the beastly act by the appellant on the children. Considering the alarming increase of sexual offences against children, deterrence has to be the sole aim. Sentence passed shall be deterrent to the appellant specifically so that he would reoffend and likewise it has to be a clear message to would be offenders, to be deterred from committing such crimes.

[35] Mahkamah ini juga mendapati bahawa Mahkamah Rayuan telah bermurah hati untuk menyenaraikan hukuman yang dikenakan terhadap kes-kes yang dituduh di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 seperti berikut:

> [24] In *Maliki Suratman v. PP* [2019] CLJ 656, Case No: B-09-216-05/2019, the Court of Appeal on 10 March 2022 had found that the sentence of ten years imprisonment imposed against the accused who had touched the child's breast and private part. In this case, the accused was 68 years old and the child was 15 years old at the material time.
>
> [25] In *Ismail Jali v. PP*, Case No: C-09(H)-76-02/2019, the Court of Appeal on 27 January 2022 had affirmed the sentence of ten years imprisonment and three strokes against the accused who had touched the child's breast. In this case, the accused was 56 years old and the child was 14 years old at the material time.

[26] In *Sulaiman Aswari v. PP*, Case No: B-09-29-02-2020, the Court of Appeal on 26 October 2021 had affirmed the sentence of 14 years imprisonment and five strokes of whipping imposed against the accused who had touched, licked and inserted his finger into the child's private part. In this case, the accused was 41 years old and the child was eight years old at the material time.

[27] In *Mukhtar Ismail v. PP*, Case No: D-09-507-10/2019, the Court of Appeal on 1 October 2020 had affirmed the sentence of 11 years imprisonment imposed against the accused who had touched the child's breast and private part. In this case, the accused was 64 years old and the child was 15 years old at the material time.

[28] In *PP v. Ahmad Hafizal Darusalam*, Case No: B-09(H)-269-06/2019, the Court of Appeal on 18 February 2020 had affirmed the sentence of 12 years imprisonment and four strokes of whipping imposed against the accused who had inserted his finger into the child's private part. In this case, the accused was 25 years old and child was eight years old at the material time.

[29] In *Md Jahangir v. PP* [2020] CLJU 115; [2020] 1 LNS 115; [2020] 10 MLJ 210, Mohd Nazlan Mohd Ghazali J (as he then was) held as follows:

> [54] My own research shows that the punishment recorded in recent cases for Section 14 offences include *Mohamad Izzaini bin Zainudin v. Public Prosecutor* [2018] CLJU 1351; [2019] 7 MLJ 366 where the sentence was a jail term of 7 years and one stroke of whipping for each of the three charges, *Helerryak Bungkok v. Public Prosecutor* [2019] 1 LNS 315; [2019] 10 MLJ 308 where the imprisonment was for 10 years, accompanied with two strokes of whipping for each of the two charges under Section 14(d); and *Razali bin Silah v. Public Prosecutor* [2019] CLJU 1508; [2019] 1 LNS 1508; [2019] 12 MLJ 205, where a jail term of 4 years and one stroke of whipping was ordered by the Court.
>
> ...
>
> [59] In my judgment, the sentence meted out against the appellant – of 6 years' imprisonment from the date of arrest and two strokes of whipping is in consonance with a careful attempt to strike a balanced determination of the most proportionate, fair and appropriate punishment for the appellant for having pleaded guilty to the commission of the offence under Section 14(a) of the Sexual Offences against Children Act 2017.

[30] In *Azman Mahedin v. PP* [2020] CLJU 1673; [2020] 1 LNS 1673, Dr Hj Alwi Hj Abdul Wahab J held as follows:

> [26] The relevant case law for consideration is the case of *Public Prosecutor v. Mad Salleh Naif* [2019] SMCU 16; [2019] 5 LNS 16 where the accused in that case was charged under the same section of Act 792 as in the instant appeal. In that case, the accused

pleaded guilty for the offence of touching, kissing and licking the victim's private part and was sentenced to 5 years imprisonment with 2 strokes of whipping.

[31] In *Muhammad Shahrani Muhammad Sani v. PP* [2021] CLJU 720; [2021] 1 LNS 720 Aslam Zainuddin JC (as he then was) held as follows:

> [1] The appellant was found guilty by the Sessions Court below on two charges under s. 14 of the Sexual Offences Against Children Act 2017 and s. 377B of the Penal Code respectively and was sentenced to ten (10) years imprisonment and ordered to be whipped with two (2) strokes of the rotan on each charge. The imprisonment term was ordered to run concurrently from 14 June 2019.
>
> ...
>
> [17] An appellate court will not interfere with the sentence imposed by the court below unless it is shown that the sentence imposed was unreasonable or manifestly excessive.
>
> [18] Based on the above case law, I reduced the sentence of the accused on both the charges from ten to eight years imprisonment and for case number WA-42JSKS-6-07/20191 reduced the whipping from two to one stroke. Both the imprisonment sentences were ordered to run concurrently.

[32] In *Suresh Karpaya v. PP* [2022] CLJU 1932; [2022] 1 LNS 1932, Abu Bakar Katar J held as follows:

> [2] Perayu tidak mengaku bersalah atas pertuduhan dan telah diwakili peguamnya iaitu Tetuan Amarpreet Singh & Co. Perbicaraan penuh telah dijalankan di hadapan Tuan Hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor [Tuan HMS itu]. Di akhir perbicaraan Tuan HMS itu memutuskan Perayu bersalah dan disabitkan atas pertuduhan s. 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta itu]. Tuan HMS itu telah menjatuhi hukuman penjara 6 tahun mulai tarikh sabitan (21.10.2021) dan 2 sebatan rotan.
>
> [3] Perayu yang terkilan dengan keputusan Tuan HMS itu telah memfailkan Notis Rayuan ke Mahkamah Tinggi, Johor Bahru atas sabitan dan hukuman [Rekod Rayuan] [RR] [Jilid 1] (muka surat (2)-(4)). Mahkamah ini telah mendengar rayuan Perayu, di akhir pendengaran Mahkamah ini menolak rayuan Perayu atas sabitan dan hukuman yang dijatuhi oleh Tuan HMS itu disahkan.

[36] Penelitian kepada kes-kes tersebut mendapati bahawa tertuduh adalah yang berumur 68 tahun, 56 tahun, 41 tahun, 64 tahun, 25 tahun, dan mangsanya adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berumur 15 tahun, 14 tahun, 8 tahun, 15 tahun. Mahkamah berpendapat perkara ini perlu diberi perhatian disebabkan dalam kes ini, responden berumur 18 tahun semasa kejadian dan mangsa 15 tahun.

[37] Dalam hal ini, mahkamah perlu berhati-hati supaya hukuman yang dijatuhkan kepada responden tidak dipengaruhi oleh hukuman-hukuman yang dikenakan kepada pesalah-pesalah yang telah berumur lanjut dengan mengambil kira hukuman kepada pesalah muda perlu dilakukan dengan sewajarnya bagi membolehkan peluang diberikan kepada pesalah muda untuk menukar kehidupan jenayah kepada kehidupan yang lebih baik.

[38] Selain daripada itu, sekiranya Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 dilihat secara komprehensif ia bukan hanya menitikberatkan kepada hukuman kepada pesalah sahaja tetapi juga terdapat peruntukan-peruntukan untuk pemulihan. Ini dapat dilihat melalui s. 26 dan 27 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017. Ini menunjukkan bahawa pendekatan yang wajar diberikan dalam kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang melibatkan pesalah muda perlu diambil kira keseluruhan peruntukan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017. Ini bagi mengelakkan pesalah muda tersebut dihukum tanpa mengambil kira prinsip yang sepatutnya dalam menjatuhkan hukuman kepada pesalah muda seperti yang dinyatakan dalam kes *Tukiran* (*supra*) dan *Teo Siew Peng & Ors v. PP* [1984] CLJU 71; [1984] 1 LNS 71; [1985] 2 MLJ 125. Dalam kes *Teo Siew Peng* (*supra*), perayu-perayu telah dituduh di bawah s. 395 dan dijatuhkan hukuman rotan bersama-sama dengan perintah di bawah s. 293 KTJ. Hakim Mahkamah Tinggi Tan Chiaw Thong telah menyatakan seperti berikut berkenaan dengan tatacara mengendalikan pesalah muda:

> The matter for consideration is whether, in order to give the best chance of realizing the object of turning the appellants into good citizens, they should be sent to prison or given another chance to turn over a new leaf, behave themselves and keep out of trouble having regard, as earlier observed, to the fact that all of them were young offenders at the time of the commission of the offence. The *Smith* case laid emphasis that the public have no greater interest than that young offenders should become good citizens.

[39] Pada masa yang sama adalah wajar untuk mahkamah mempertimbangkan kesalahan yang dilakukan oleh responden. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kesalahan amang seksual dilakukan oleh responden adalah di bawah s. 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan seperti berikut:

> Mana-mana orang yang, bagi maksud seksual -
>
> (a) menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak;
>
> (b) membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang itu atau bahagian badan mana-mana orang lain;

(c) membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu sendiri; atau

(d) melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetubuhan,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

Huraian 1 – Perbuatan menyentuh boleh melibatkan perbuatan menyentuh dengan menggunakan mana-mana bahagian badan atau dengan suatu objek dan boleh dilakukan melalui apa-apa sahaja termasuk apa-apa sahaja yang dipakai oleh orang yang menyentuh atau kanak-kanak yang disentuh.

Huraian 2 – Dalam menentukan apakah yang menjadi maksud seksual, mahkamah boleh menimbangkan, antara lain, bahagian badan yang disentuh, sifat dan takat perbuatan menyentuh atau kontak fizikal dan semua hal keadaan lain yang berkenaan dengan perlakuan itu.

(penekanan ditambah)

[40] Adalah tidak dapat dinafikan bahawa seperti yang diutarakan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Ibrahim Mahd Nazri* (*supra*) kesalahan seksual kanak-kanak adalah perlu dipandang serius. Walau bagaimanapun, pada hemat mahkamah, semasa menjatuhkan hukuman bagi kesalahan di bawah s. 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017, mahkamah tidak boleh mengetepikan hakikat bahawa bagi kesalahan-kesalahan seksual terdapat pelbagai kesalahan yang diperuntukkan hukuman-hukuman yang tertentu. Sebagai contoh, kesalahan rogol di bawah s. 375 yang boleh dihukum di bawah s. 376 yang memperuntukkan hukuman seperti berikut:

(4) Whoever whilst committing or attempting to commit rape causes the death of the woman on whom the rape is committed or attempted shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than fifteen years and not more than thirty years, and shall also be punished with whipping of not less than ten strokes.

[41] Kesalahan sumbang mahram iaitu s. 376A yang boleh dihukum di bawah s. 376B seperti berikut:

(1) Whoever commits incest shall be punished with imprisonment for a term of not less than ten years and not more than thirty years, and shall also be punished with whipping.

(2) It shall be a defence to a charge against a person under this section if it is proved -

(a) that he or she did not know that the person with whom he or she had sexual intercourse was a person whose relationship to him or her was such that he or she was not permitted under the law, religion, custom or usage applicable to him or her to marry that person; or

A (b) that the act of sexual intercourse was done without his or her consent.

Explanation – A person who is under sixteen years of age, if female, or under thirteen years of age, if male, shall be deemed to be incapable of giving consent.

B **[42]** Bagi kesalahan di bawah ss. 376 dan 376A didapati terdapat hukuman minimum yang diperuntukkan iaitu tidak kurang daripada masing-masing 15 tahun dan sepuluh tahun penjara serta boleh dihukum hingga 30 tahun. Pada hemat mahkamah, ia menunjukkan keseriusan kesalahan seksual yang berkaitan dengan rogol dan sumbang mahram.

C **[43]** Sementara bagi kesalahan di bawah s. 377A yang boleh dihukum di bawah s. 377B memperuntukkan hukuman penjara boleh sampai 20 tahun dan sebatan. Begitu juga bagi kesalahan di bawah s. 377C pula dinyatakan bahawa hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan boleh sampai 20 tahun dan dikenakan hukuman sebatan. Sementara itu kesalahan di bawah
D s. 377CA pula, hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada lima tahun atau penjara tidak melebihi 30 tahun dan boleh dikenakan sebatan. Di bawah s. 377D pula, hukumannya boleh sampai kepada dua tahun penjara. Begitu juga s. 377E boleh dihukum penjara tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak melebihi 15 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan.

E **[44]** Kepelbagaian hukuman yang timbul bagi kesalahan seksual ini menunjukkan bahawa mahkamah tidak boleh menyamaratakan hukuman bagi kesalahan-kesalahan seksual semata-mata disebabkan ianya adalah satu kesalahan seksual. Sebaliknya, mahkamah perlu meneliti apakah pertuduhan yang dikemukakan dan apakah hukuman yang diperuntukkan bagi
F menggambarkan keseriusan sesuatu perbuatan jenayah seksual. Pada masa yang sama, mahkamah juga perlu melihat kesalahan di bawah s. 354 iaitu kesalahan mencabul kehormatan yang boleh dihukum pemenjaraan hingga sepuluh tahun, denda atau sebatan atau kedua-duanya sekali.

G **[45]** Kefahaman yang jelas berkenaan keperluan untuk meneliti fakta kes dan kesalahan seksual yang dilakukan boleh mengelakkan daripada hukuman terhadap tertuduh yang melakukan kesalahan seksual akan disamaratakan walaupun peruntukan undang-undang yang berlainan. Ini adalah penting diberikan perhatian oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang menjatuhkan hukuman bagi mengelakkan hukuman tersebut tersasar daripada prinsip yang
H sepatutnya diambil kira semasa menjatuhkan hukuman.

[46] Akhirnya, dalam kes ini, setelah mempertimbangkan fakta kes, responden adalah pesalah muda, rayuan peringanan dan pemberatan hukuman serta mengambil kira keseriusan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan mengambil kira matlamat penggubalan Akta Kesalahan-Kesalahan
I Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 iaitu bagi melindungi kanak-kanak yang

lemah dan rentan, mahkamah berpendapat bahawa responden dikenakan hukuman penjara selama 36 bulan dari tarikh hari ini (2 September 2024), perintah kaunseling pemulihan di bawah s. 26(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 selama tempoh pemenjaraannya dan perintah pengawasan polis selama satu tahun di bawah s. 27(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 selepas tamat hukuman penjara.

Penutup

[47] Sesungguhnya, proses menjatuhkan hukuman di akhir sesuatu perbicaraan jenayah atau pengakuan salah perlu dilakukan dengan teliti. Hakim seharusnya menelusuri peruntukan undang-undang berkaitan dengan hukuman di bawah undang-undang bertulis, Kanun Tatacara Jenayah dan prinsip-prinsip penghukuman serta keputusan-keputusan mahkamah atasan berkenaan dengan hukuman. Kegagalan berbuat demikian akan menjadikan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah adalah tersasar daripada peruntukan undang-undang yang memerlukan campur tangan mahkamah yang mendengar rayuan.

[48] Sesungguhnya, kerangka undang-undang pentadbiran jenayah yang sedia ada mencukupi untuk memastikan penghakiman dan hukuman dijatuhkan dengan mengambil kira kepentingan tertuduh dan kepentingan awam. Mahkamah, peguam dan Timbalan Pendakwa Raya hendaklah sentiasa cakna dengan peruntukan-peruntukan tersebut dan tidak menjadikan proses penghukuman adalah sesuatu yang ritual semata-mata. Hakim hendaklah menggunakan budi bicara dengan bersandarkan kepada undang-undang. Jika ini dapat dilakukan, matlamat untuk meningkatkan kualiti kehakiman akan tercapai. Ini perlu dilakukan bagi menjadikan sistem kehakiman di negara ini dapat "berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah" dengan sistem kehakiman negara lain di dunia. Ia boleh dilakukan dengan komitmen hakim, peguam dan Timbalan Pendakwa Raya yang akan menjadikan sistem keadilan jenayah sesuatu yang boleh dibanggakan dan dipandang tinggi oleh masyarakat.